

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**
[TANJONG KARANG]

TARIKH : **29 JULAI 2020 [RABU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perkembangan penelitian cadangan Kementerian untuk memperkenalkan **skim baucar subsidi sewa kediaman** untuk orang muda bagi membantu meringankan beban kos sara hidup mereka dan bagaimanakah ianya akan dilaksanakan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang meneliti cadangan untuk memperkenalkan Skim Baucar Sewa Rumah atau Rental Voucher sebagai salah satu inisiatif Kerajaan bagi membantu meringankan beban sara hidup rakyat termasuk golongan muda dalam menanggung kos sewa rumah yang tinggi dalam pasaran sewa rumah kediaman.

2. Cadangan Skim Baucar Sewa yang sedang dikaji ini untuk kumpulan sasaran **B40 (B2, B3 dan B4)** iaitu isi rumah yang berpendapatan **RM2,500 hingga RM4,849** sebulan yang tidak mendapat kemudahan menyewa di perumahan awam seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau mana-mana rumah bersubsidi Kerajaan yang lain. Kadar bantuan sewa boleh diberi sehingga maksimum RM400 sebulan selama setahun untuk satu isi rumah. Berdasarkan anggaran untuk 10,000 isi rumah, bantuan kadar sewa ini memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan sebanyak RM48 juta setahun. Skim ini boleh dilaksanakan bermula pada tahun 2021 tertakluk kepada kelulusan peruntukan dalam Bajet 2021 dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.